



### KENYATAAN MEDIA

#### **UNTUK SIARAN SEGERA**

## PERNAS LIBATKAN MEDIA DALAM TREASURE HUNT DI WANGSA WALK MALL

**KUALA LUMPUR, 27 SEPTEMBER 2025** – Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) telah menganjurkan *Media Rush by Pernas 2025*, satu aktiviti *treasure hunt* yang diadakan di Wangsa Walk Mall.

Program ini disertai hampir 50 peserta, termasuk wakil media dan kakitangan Pernas. Antara media yang hadir ialah Media Prima, RTM, Vanakkam Malaysia, IKIM FM, Sinar Harian, Malaysian Gazette, Nanyang Siang Pau, dan beberapa platform media lain. Para peserta menjelajah kawasan Wangsa Walk Mall sambil menyelesaikan tugasan yang direka untuk menggalakkan kerjasama dan interaksi antara mereka.

Wangsa Walk Mall oleh MCL Land menyokong program ini dengan menyediakan kemudahan tempat, mewujudkan suasana yang selesa dan sesuai untuk aktiviti berlangsung, manakala 1901 dan GJC, yang merupakan anak syarikat Pernas, menyediakan makanan serta baucar. Kerjasama ini memastikan para peserta dapat menikmati treasure hunt dengan lebih seronok dan selesa.

Pernas percaya bahawa mengekalkan hubungan baik dengan rakan media adalah penting, kerana media bukan sahaja menyebarkan maklumat tentang keusahawanan dan francais, malah turut menyokong usahawan Pernas dengan memberi liputan, menampilkan perniagaan mereka, dan mempromosikannya melalui artikel berita dan media sosial. Program ini memberi peluang untuk menonjolkan kepentingan penglibatan media serta mengeratkan hubungan dengan wakil media sebagai tanda penghargaan atas sokongan mereka.

Media Rush by Pernas 2025 menjadi platform bukan sahaja untuk berjejaring, malah juga untuk mengeratkan hubungan dalam suasana santai dan menyeronokkan.

-TAMAT-



------

Untuk maklumat lanjut mengenai program ini atau inisiatif lain Pernas, sila hubungi:

### Nurshuhadah Hamid

Jabatan Komunikasi Strategik

Emel: <a href="mailto:shuhadah.hamid@pernas.my">shuhadah.hamid@pernas.my</a>

No. Telefon: +603-2082 7788 samb. 7948

# PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)

Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) adalah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (Kementerian Kewangan) dengan mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia dan membantu mengembangkan komuniti keusahawanan negara.

Pernas komited untuk memperkasakan pertumbuhan keusahawanan dan industri francais di Malaysia. Dari bimbingan hingga menghubungkan jalinan rangkaian, pembiayaan dan latihan, kami menyasarkan untuk mengembangkan pengetahuan, mengukuhkan komuniti francais dan memupuk bakat francais generasi akan datang. Dengan cara ini, kami percaya ia dapat memacu perubahan positif merentasi landskap keusahawanan Malaysia.